

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 12 MAC 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 1

MENGANGKAT SUMPAAH

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1421-MQT0325
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai perkembangan kempen mengubah Malaysia dari sebuah kleptokrasi sedunia menjadi sebuah negara berintegriti sedunia yang terkemuka.

2. PR-1421-MQT0322
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional cadangan beliau untuk mengurangkan jumlah penjawat awam dan adakah Kerajaan bercadang menyemak semula tangga gaji penjawat awam sepertimana diluluskan Kerajaan terdahulu dalam Bajet 2018.

3. PR-1421-MQT0328
Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan menstruktur semula sistem percukaian negara secara holistik bagi memastikan setiap lapisan rakyat dapat merasai konsep "*shared prosperity*", misalnya dengan merendahkan cukai korporat bagi menggalakkan lebih banyak pertumbuhan syarikat baru yang sekaligus dapat mencipta peluang pekerjaan untuk rakyat setelah Kerajaan dilihat gagal menangani permasalahan ekonomi negara yang menyebabkan keresahan di kalangan rakyat terutamanya golongan M40 dan B40 sejak Pakatan Harapan mengambil alih Kerajaan.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 12 MAC 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 2

MENGGANGKAT SUMPAAH

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1421-L03168
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah rasional penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi (MTEN) sedangkan sebelum ini Kerajaan telah menubuhkan Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) yang membawa pembentukan Kabinet yang sedang berfungsi sekarang.

2. PR-1421-L03215
Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
 - (a) adakah Kementerian masih bercadang untuk meneruskan insentif kepada nelayan seperti bantuan sara hidup, insentif pendaratan dan subsidi diesel; dan

 - (b) jika ya, berapa jumlah pemberian insentif diperuntukkan bagi setiap insentif tersebut serta apakah strategi Kementerian untuk menambahkan pendapatan nelayan.

3. PR-1421-L03756
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk memastikan kes perceraian muslim tidak tertunda di mahkamah dan kepatuhan dalam pemberian hak kepada pasangan serta anak ditunaikan.

4. PR-1421-L04102
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan statistik jumlah pekebun getah dan dana yang telah dikeluarkan dalam tuntutan insentif pengeluaran getah (IPG) dari tahun 2017 hingga kini. Apakah halangan IPG untuk dapat dilaksanakan seperti yang disasarkan.
5. PR-1421-L03825
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan jangka pendek dan panjang untuk mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja khususnya di tapak pembinaan, serta bilangan syarikat yang telah diambil tindakan mahkamah dari tahun 2000 sehingga 2019 mengikut pecahan tahun termasuk yang telah berlaku di Perai pada 15 Februari 2019.
6. PR-1421-L03301
Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan terma rujukan untuk perbincangan untuk perjanjian bekalan air di antara Malaysia dan Singapura sebagai garis panduan perbincangan nanti. Adakah terma rujukan sudah disetujui kedua-dua belah pihak. Apakah indikasi awal dari Singapura.
7. PR-1421-L02950
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menambah guru pendidikan khas khusus bagi kanak-kanak autisme memandangkan kanak-kanak ini memerlukan perhatian, penjagaan dan latihan yang khas oleh mereka yang pakar dalam memahami jiwa kanak-kanak istimewa ini.
8. PR-1421-L03777
Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pelaburan mengikut pecahan tahun yang dibuat terhadap Akaun Amanah Estate Kebankrapan di bawah Jabatan Insolvensi Malaysia bagi tahun 2015 hingga tahun 2018 dan berapakah jumlah keuntungan yang diterima daripada pelaburan tersebut.
9. PR-1421-L03086
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian untuk menjayakan peraturan bebas asap rokok di kedai-kedai makan dan apakah tindakan yang perlu dilakukan pekerja kedai makan atau restoran untuk menangani pelanggan yang berdegil dan berkeras tidak mematuhi larangan tersebut .

10. PR-1421-L03518
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah butiran terperinci tatacara yang termaktub di dalam Arahan Amanah Tabung Harapan Negara (*Trust Deed*) dan apakah keputusan Kerajaan berhubung penggunaan wang kutipan Tabung Harapan Negara.
11. PR-1421-L04145
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan menangani masalah permohonan warga asing yang berkahwin dengan warga negara Malaysia mendapatkan taraf penduduk tetap.
12. PR-1421-L03694
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah penstrukturan baru terhadap program Podium bagi meningkatkan kualiti atlet negara berhadapan kejohanan-kejohanan antarabangsa.
13. PR-1421-L02889
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status projek lintasan Kereta Api RTS (Rapid Transit System) antara Woodlands Singapura dengan Bukit Cagar, Johor Baharu bagi mengatasi kesesakan di Tambak Johor. Apakah projek RTS itu akan dilaksanakan.
14. PR-1421-L04031
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan arahan penurunan harga perkhidmatan internet jalur lebar.
15. PR-1421-L03804
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian berkenaan keselamatan radiasi mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh "International Commission on Radiological Protection (ICRP) dan "World Health Organization (WHO).
16. PR-1421-L03823
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan senjata api pelbagai jenis dalam tempoh lima tahun terdahulu dan jumlah kelulusan mengikut pecahan kaum.

17. PR-1421-L03440
Tuan Chang Lih Kang [Tanjung Malim] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status hubungan diplomatik Malaysia dan Korea Utara, termasuk status Kedutaan Malaysia di Korea Utara dan status Kedutaan Korea Utara di Malaysia. Nyatakan juga status 170 pekerja Korea Utara yang dilaporkan bekerja di Sarawak.
18. PR-1421-L03929
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pelaksanaan yang dilakukan untuk pembangunan *e-sport* bagi mendepani sukan *e-sport* pertama dalam Sukan Asia 2022.
19. PR-1421-L03475
Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan bagi menggalakkan dan memastikan rakyat berkemampuan untuk memiliki rumah ekoran lambakan unit yang tidak terjual kebelakangan ini terutamanya kuota Bumiputera.
20. PR-1421-L03233
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjung] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek tebatan banjir untuk Pulau Pinang dan adakah termasuk RM1 bilion yang dijanjikan kepada Pulau Pinang sebelum ini. Apakah status Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang.
21. PR-1421-L03548
Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pemilikan kapal mewah Equanimity serta kos penyelenggaraan yang telah ditanggung oleh Kerajaan sehingga hari ini dan sehingga bilakah Kerajaan akan menanggung kos berkenaan.
22. PR-1421-L03622
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan Kerajaan Persekutuan untuk menangani saman AES (*Automatic Enforcement System*) yang dikeluarkan tetapi belum lagi dibayar dan apakah status hasil kajian berkenaan penetapan kadar baru saman AES.

23. PR-1421-L04072
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pembaikan semua sekolah-sekolah daif di Sarawak dan berapakah peruntukan yang telah disalurkan untuk pembaikan tersebut. Apakah status siasatan terhadap JEPAK HOLDING SDN BHD yang sepatutnya menyediakan PV solar system bagi 369 sekolah pedalaman di Sarawak.
24. PR-1421-L03948
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah royalti petroleum yang sepatutnya diterima oleh Kelantan dan Terengganu dan jumlah yang telah dibayar kepada negeri-negeri ini setakat ini.
25. PR-1421-L04283
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah saranan terbaru pihak Kementerian kepada pihak sekolah dalam menjalankan usaha sama dengan pihak polis dalam mengatasi masalah keselamatan para pelajar sekolah terutamanya di peringkat sekolah rendah.
26. PR-1421-L03971
Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian terkini pihak Kerajaan berhubung projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL).
27. PR-1421-L02909
Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejak Mei 2018 berapakah jumlah pelabur asing yang meninggalkan negara ini dan adakah ia memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara.
28. PR-1421-L04228
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha Kerajaan menangani isu warga asing yang menjalankan perniagaan secara tidak sah atau menyewa/meminjam lesen rakyat tempatan untuk berniaga dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

29. PR-1421-L03650
Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan melaporkan secara terperinci pelan tindakan serta status terkini untuk pelupusan sisa buangan terjadual *Neutralization Underflow Residue* (NUF) Lynas memandangkan lesen penstoran sementara sisa buangan terjadual Lynas telah luput pada 15 Februari 2019.
30. PR-1421-L03510
Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) statistik kanak-kanak yang terlibat dalam kes jenayah / kemalangan pada waktu lewat malam; dan
 - (b) bilakah Kementerian akan memperkenalkan undang-undang 'curfew' ke atas kanak-kanak di bawah umur.
31. PR-1421-L03598
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah dan usaha-usaha Kerajaan untuk memastikan semua undang-undang Malaysia termasuk peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan adalah selaras dengan dasar kesaksamaan gender.
32. PR-1421-L03014
Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan harga komoditi getah dan sawit memandangkan harga semasa komoditi tersebut sangat rendah dan menjejaskan pendapatan terutamanya kepada pekebun-pekebun kecil luar bandar.
33. PR-1421-L04259
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status cadangan pembinaan hospital pengajar/swasta oleh Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR). Adakah Kementerian akan memberi sebarang bentuk peruntukan untuk pembinaan dan kemudiannya untuk penyelenggaraan hospital tersebut.

34. PR-1421-L03055
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak Mei 2018 hingga kini, berapakah aset Khazanah dan semua entiti milik Perbendaharaan yang telah dijual, kepada siapa dijual dan berapa nilainya. Berapa aset baru dimiliki oleh Khazanah dan semua entiti milik Perbendaharaan, daripada siapa dibeli dan berapa nilainya.
35. PR-1421-L04126
Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status projek ECRL dan adakah Kerajaan berhasrat mewujudkan Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) ke sektor Pantai Timur.
36. PR-1421-L02986
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan isu hak kewarganegaraan dan isu sijil beranak sudah lama menjadi isu yang sensitif. Nyatakan beberapa langkah yang harus diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini. Terdapat ramai kanak-kanak masih tidak mempunyai surat beranak. Rakyat Malaysia yang tidak mempunyai kad pengenalan dan sijil kelahiran walaupun mereka ini merupakan pemastautin dan penduduk tetap Malaysia. Seinggakan terdapat juga pemohon daripada warga emas yang telah meninggal dunia tanpa memperoleh kewarganegaraan.
37. PR-1421-L04114
Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan faktor-faktor kenaikan mendadak hutang Kerajaan Persekutuan daripada RM686.6 bilion (2017) kepada RM741.0 bilion (2018).
38. PR-1421-L04290
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa individu dan syarikat/koperasi yang telah mendapat rebate cukai pendapatan atas zakat/fitrah dan berapa antara mereka masih ada *balance* cukai pendapatan yang perlu dibayar selepas rebate tersebut.
39. PR-1421-L03810
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perkembangan terkini mengenai rancangan untuk menghapuskan hutang tidak wajar para peneroka FELDA.

40. PR-1421-L03134
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah jangka pendek dan panjang bagi menangani isu kepupusan haiwan yang terancam seperti harimau dan badak sumbu; dan
 - (b) apakah pendirian Kementerian berhubung penyahwartaan sebahagian kawasan kompartmen 19, Hutan Simpan kekal Bukit Lagong Mukim Batu dan Rawang , Selangor Darul Ehsan bagi di beri projek pembangunan perumahan.
41. PR-1421-L03776
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status kerjasama antara Malaysia dan China :-
- (a) senarai institusi pengajian tinggi China diiktiraf semenjak 28 April 2011 dan bilangan pelajar-pelajar Malaysia di China dan China di Malaysia dari 2000 hingga 2019; dan
 - (b) bilangan pelajar-pelajar Malaysia atas tajaan JPA di China dari 2000 hingga 2019.
42. PR-1421-L03347
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan implikasi kewangan iaitu ganti rugi yang terpaksa ditanggung Kerajaan akibat penangguhan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura.
43. PR-1421-L03324
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status pembinaan perumahan PR1MA di seluruh negara, juga projek PR1MA yang telah melewati tarikh siap yang dikemukakan buat kali pertama dan jangkakan tarikh siap baharu bagi projek-projek perumahan tersebut.
44. PR-1421-L03787
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hasil kajian yang dibuat dan keputusan Kerajaan berhubung sekolah kurang murid dan sejauh manakah sasaran 90% guru tempatan Sarawak berjaya dilaksanakan.

45. PR-1421-L03880
Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sama ada terdapat sebarang perancangan untuk melibatkan Menteri Besar dan Ketua Menteri dalam keanggotaan Majlis Tindakan Ekonomi Negara agar keputusan yang dibuat mengambil kira pandangan dan cadangan daripada negeri-negeri.
46. PR-1421-L03849
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan sumbangan sektor perindustrian Sabah yang kini hanya di tahap 7.2% daripada GDP Negeri.
47. PR-1421-L03578
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan kesudian Kementerian untuk mempercepatkan pelaksanaan dasar mengharamkan plastik sekali guna dalam masa 5 tahun berbanding dengan sasaran tahun 2030, memandangkan negara-negara lain telah pun mengharamkan penggunaan plastik sekali guna secara serta-merta.
48. PR-1421-L03001
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah hasil perbincangan yang telah disepakati antara Malaysia dan Singapura berikutan isu sempadan maritim dan ruang udara berkaitan peraturan Sistem Pendaratan Instrumen (ILS).
49. PR-1421-L02947
Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan modus operandi Kementerian bagi menentukan masyarakat miskin luar bandar di Sarawak dan Sabah dapat menikmati program subsidi pengangkutan bahan api dan sebagainya.
50. PR-1421-L03507
Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status Lebuhraya Pan Borneo Sarawak Fasa 2 yang dicadangkan untuk tidak melalui negara Brunei Darussalam dan berapakah perbezaan kos antara cadangan laluan asal dan laluan baru ini.

51. PR-1421-L03606
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) menamatkan 52 peserta program pascasiswazah Diploma Pengurusan Awam (DPA) 2018 dengan mengubah markah lulus dari "B" kepada "A-" selepas program telah bermula dan hanya adanya 2 bulan sebelum program tersebut tamat.
52. PR-1421-L03109
Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Skim Perlindungan Nasional B40 (mySalam) yang dilancarkan pada 24 Januari 2019 hanya memilih Great Eastern Life Assurance Malaysia sebagai penyumbang tetapi tidak kepada syarikat insurans yang lain dan berapa lamakah program seperti ini dapat dikekalkan oleh Kerajaan sekarang.
53. PR-1421-L03122
Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah strategi dan inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk memastikan pelajar yang mendapat sekurang-kurangnya 8A untuk peperiksaan SPM diberikan tempat dalam program matrikulasi Kerajaan. Adakah Kementerian bersedia untuk menaja pelajar-pelajar cemerlang ini untuk melanjutkan pelajaran di IPTS.
54. PR-1421-L03176
Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan punca penurunan mata wang Ringgit susut 1.8 peratus berbanding dolar AS pada 2018.
55. PR-1421-L04231
Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan bilakah Pembinaan Loji Rawatan Air Kundasang akan dimulakan.
56. PR-1421-L03331
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramaikah kakitangan perkhidmatan awam yang telah diberhentikan sejak Jun 2018 sehingga kini.

57. PR-1421-L03374
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah transformasi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) akan dilakukan untuk menepati keperluan semasa, dan adakah Kementerian akan melakukan kerjasama antara Kerajaan dan swasta untuk membangunkan pendidikan ini.
58. PR-1421-L03150
Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status proses pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Dalit.
59. PR-1421-L03529
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kementerian akan mengkaji semula pemberhentian pengangkutan *transshipment* beras di semua pelabuhan di Malaysia.
60. PR-1421-L04062
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa tindakan atau langkah-langkah perlu dan sedang diambil sebagai "*follow-up affirmative actions*" oleh Kerajaan Malaysia ekoran daripada komitmen Perdana Menteri melalui ucapan yang disampaikan di forum "*10th Annual Conference and General Meeting of the International Association of Anti-Corruption Authorities*" yang telah diadakan pada 21 Januari 2019 di Vienna, Austria.
61. PR-1421-L03595
Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dasar Kerajaan berhubung cadangan pengharaman ketum. Mohon nyatakan; :-
- (a) bagaimana tanaman ketum ini dapat dikawal bagi mengelakkan penyalahgunaannya dan apakah rasional untuk membenarkan penanaman ketum untuk tujuan perubatan boleh mengatasi mudarat yang kini diakibatkan dari penyalahgunaannya ; dan
 - (b) adakah Kerajaan akan meminda undang-undang berkait ketum untuk disenaraikan di bawah Akta Dadah Merbahaya .

62. PR-1421-L03199
Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sehingga Februari 2019, adakah berlakunya lambakan rumah lot Bumiputera yang tidak terjual di setiap negeri dan apakah tindakan yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah ini.
63. PR-1421-L04202
Tuan Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilakah kerja-kerja fizikal menaik taraf Jalan Ulu Krian akan bermula.
64. PR-1421-L03038
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah dan peratus sumber minyak dan gas asli yang belum lagi diterokai dan sejauh manakah hasil daripada sumber minyak dan gas asli ini mampu untuk bertahan bagi membantu perkembangan ekonomi negara.
65. PR-1421-L03843
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status pembayaran balik GST buat masa ini seperti berikut:-
- (a) jumlah kes tuntutan telah dijelaskan serta jumlah amaun pembayaran telah dibuat; dan
 - (b) senarai amaun tuntutan 100 tertinggi yang belum dibayar oleh Kerajaan buat masa ini dan syarikat yang menuntut amaun tersebut.
66. PR-1421-L04048
Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah fungsi dan peranan yang telah dimainkan oleh Majlis Penasihat Kerajaan dan apakah Kerajaan akan mengeluarkan laporan mengenai prestasi dan hasil siasatan Majlis Penasihat ini kepada orang awam.
67. PR-1421-L03562
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kes-kes jenayah berikut :-
- (a) dakwaan seorang gadis dirogol oleh seorang polis di dalam tandas sebuah balai polis di Sarikei pada Oktober 2018; dan

- (b) dakwaan seorang pelabur kehilangan wang tunai berjumlah RM7.9 juta di kondominiumnya selepas digeledah sepasukan polis Jabatan Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur pada 8 September 2018.
68. PR-1421-L04096
Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian bercadang memperkenalkan penanaman *hemp* sebagai tambahan kepada penanaman kenaf yang kini dititikberatkan memandangkan *hemp* boleh menghasilkan minyak *cannabis* atau *cannabidiol* (CBD) yang kini dibenarkan oleh banyak negara untuk penggunaannya merawat penyakit termasuk kanser; dan
- (b) apakah insentif untuk penanaman *hemp* dan kenaf sebagai tanaman ladang/industri alternatif dan prosedur untuk memohon insentif-insentif tersebut dan adakah Kementerian bercadang menjalankan penyelidikan terperinci terhadap penggunaan CBD untuk merawat kanser dan sekiranya ada keperluan untuk sebuah hospital untuk merawat khas untuk kanser, bolehkah Kerajaan mempertimbangkan penggunaan Hospital Tambunan atau Hospital Keningau untuk penyelidikan dan pengubatan kanser.
69. PR-1421-L03235
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjung] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan kelulusan permohonan-permohonan Pelan Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) termasuk pinjaman mudah RM1 bilion. Nyatakan juga jumlah peruntukan bagi membiayai mod-mod pengangkutan awam di Pulau Pinang dari tahun 2008 sehingga 2018.
70. PR-1421-L03160
Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah perang perdagangan antara China dan Amerika Syarikat memberi kesan kepada prestasi import dan eksport Malaysia sepanjang tahun 2018.

71. PR-1421-L04167
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status perkembangan pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak setakat ini dan mekanisme pemantauan penyelenggaraan jalan yang rosak serta jumlah peruntukan yang telah diluluskan dan jumlah peruntukan yang masih diperlukan (termasuk pampasan tanah dan sebagainya) supaya Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak dapat disiapkan dalam masa yang terdekat.
72. PR-1421-L04007
Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi bagi memastikan daya saing kereta nasional ketiga dalam pasaran tempatan dan ASEAN.
73. PR-1421-L03234
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status cadangan pembinaan Lapangan Terbang Kulim (jika ada) dan rasionalnya bagi tempoh jangka panjang. Jelaskan juga status projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dan kadar sewaan premis yang dikenakan dalam tempoh 10 tahun sehingga 2018.
74. PR-1421-L04087
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini hospital lama Kuala Krai. Apakah perancangan pihak Kementerian untuk hospital tersebut dan bilakah ianya akan bermula.
75. PR-1421-L03719
Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapakah berlaku pengurangan tenaga kerja kebersihan sekolah di Terengganu, khususnya di Dungun.
76. PR-1421-L03385
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sudah berapa kali jawatankuasa pemandu yang ditubuh pada tahun 2018 bagi menyemak semula Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) mengadakan mesyuarat dan apakah perkembangan mutakhir usaha Kerajaan Persekutuan ke arah mengembalikan hak Sarawak dan Sabah di Malaysia, memandangkan tempoh hanya enam bulan diberi kepada jawatankuasa tersebut menyerahkan laporan kepada Kerajaan.

77. PR-1421-L03883
Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan isu konflik ruang udara Malaysia - Singapura yang telah dibincangkan bersama wakil Kerajaan Singapura berikutan daripada pelaksanaan tatacara Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) Lapangan Terbang Seletar yang didakwa diterbitkan secara berat sebelah tanpa persetujuan daripada Malaysia yang sekaligus mengakibatkan pencerobohan kedaulatan ruang udara selatan Johor.
78. PR-1421-L03419
Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah transformasi (tambah baik) yang telah dilaksanakan Kementerian Pertanian dalam meningkatkan pendapatan belia/golongan muda dalam bidang pertanian asas tani adakah telah memperkenalkan skim perlindungan Takaful demi menjamin masa depan mereka seperti yang di war-warkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.
79. PR-1421-L03984
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejak Akta Akauntan 1967 diperkenalkan:-
- (a) berapa orang yang telah diambil tindakan kerana menggunakan gelaran akauntan secara tidak sah dan melanggar Seksyen 25(e) akta tersebut dan siapakah mereka; dan
 - (b) adakah mana-mana ahli Institusi Akauntan Malaysia (MIA) telah dilucutkan keahliannya kerana menjalani hukuman penjara. Jika ya, berapa ramai dan siapa.
80. PR-1421-L03911
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat dakwaan salah laku beberapa hakim kanan negara sebagaimana dilaporkan dalam afidavit Hakim Mahkamah Rayuan Hamid Sultan Abu Backer.
81. PR-1421-L03721
Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-
- (a) apakah jaminan yang boleh diberikan Kementerian bahawa cukai yang dikenakan kepada syarikat penyedia perkhidmatan penstriman video tempatan dan luar negara seperti *Netflix* dan *Iflix* yang berkuatkuasa tahun 2020 tidak akan memberi kesan langsung kepada rakyat seperti kenaikan harga; dan

(b) apakah tindakan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menapis kandungan video (*video content*) di bawah klasifikasi 18SG, 18SX yang disiarkan oleh syarikat penyedia perkhidmatan penstriman video luar negara.

82. PR-1421-L03296

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan mengesahkan sama ada benar atau tidak FELDA mempunyai tanah sekitar daerah Melaka Tengah dan, jika benar, berapakah luasnya, harga belian, harga jualan, dan bilakah ianya dibeli dan dijual serta bagi tujuan apakah hasil jualan tersebut telah digunakan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri Dalam Negeri** akan mencadangkan :-

"Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu."

2. **Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru]** akan mencadangkan :-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua , Parlimen Yang Keempat Belas."

3. (D.R 33/2018) Rang Undang-Undang Pentadbiran **Bacaan Kali**
Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah **Yang Kedua**
Persekutuan) (Pindaan) 2018

[Perdana Menteri]

4. (D.R 35/2018) Rang Undang-Undang Undang-Undang "
Sivil (Pindaan) 2018

[Perdana Menteri]

5. PR-1421-U(27)029

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa penjelasan apakah strategi Kerajaan dalam rundingan dengan Singapura berhubung kait isu persempadanan dan kedaulatan ruang udara kedua-dua negara yang timbul sejak kebelakangan ini. Senario diplomatik Malaysia dan Singapura telah banyak berubah apabila isu-isu persempadanan ruang udara timbul

secara spesifiknya melibatkan pemakaian Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar dan kewujudan Kawasan Larangan Kekal (PRA) untuk aktiviti ketenteraan di ruang udara Pasir Gudang. Kerajaan perlu melihat situasi ini secara serius apabila Singapura membantah kewujudan PRA di ruang udara Pasir Gudang kerana pada anggapan mereka ia akan mengekang aktiviti penerbangan awam walaupun begitu jelas PRA itu hanya ditujukan kepada aktiviti ketenteraan sahaja. Cabaran juga timbul dan perlu diselesaikan oleh Kerajaan apabila Malaysia membuat bantahan terhadap penggunaan ILS yang memerlukan pesawat mengguna ruang udara Pasir Gudang yang akan mengundang kekangan pembangunan fizikal bandar itu terutamanya membabit isu had ketinggian bangunan dalam laluan ILS. Rundingan antara kedua negara ini amat penting dalam mempertahankan kedaulatan persempadanan negara dan seharusnya Malaysia bertegas dan berhati-hati supaya akhirnya kedua-dua negara mendapat penyelesaian yang terbaik dalam hal ini."

[Menteri Pengangkutan]

6. PR-1421-U(27)030

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menjelaskan kegelisahan anak muda mengenai perancangan dan dasar yang menyeluruh melibatkan pembangunan golongan belia meliputi semua golongan masyarakat dan kaum di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai perancangan dasar yang jelas seperti yang dilaksanakan Kerajaan terdahulu melalui Transformasi Nasional 2050 yang menggariskan enam teras tumpuan pembangunan belia masa hadapan yang dinamik dan berwawasan. Anak muda kini dibelenggu kerisauan berkenaan dasar pembangunan belia dan dasar pembangunan sukan yang tidak jelas sehingga memberi kesan terhadap kemajuan serta penambahbaikan organisasi belia dan sukan secara keseluruhan. "

[Menteri Belia Dan Sukan]

7. PR-1421-U(27)031

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan dasar dan pelan yang menyeluruh berkenaan halatuju negara jangka masa panjang selepas tamatnya Wawasan 2020. Kerajaan perlu memberi penjelasan kepada kebimbangan rakyat serta membuka ruang perbincangan disamping mendapatkan input daripada rakyat berkenaan apakah rancangan Kerajaan merangkumi seluruh lapisan masyarakat pelbagai umur menyentuh kesinambungan ekonomi dan kesejahteraan rakyat jangka masa panjang. Kegusaran rakyat kini adalah apa yang akan berlaku pada 30 tahun akan datang. Rakyat gusar mengenai cabaran taraf

hidup yang semakin kompleks di samping keadaan sosioekonomi dan keselamatan yang tidak menentu menyebabkan kegagalan kesinambungan kemajuan dan kesejahteraan akan terbantut. "

[Perdana Menteri]

8. PR-1421-U(27)032

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan perincian laporan penggunaan kewangan, perkembangan laporan pembangunan dan prestasi terkini Jawatankuasa Pemerksaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (JKPTVET). Fungsi dan peranan penubuhan jawatankuasa ini semenjak diperkenalkan pada 21 Jun 2018 dilihat belum memberikan gambaran jelas berkenaan pelan perkembangan dan strategi pencapaian yang amat penting untuk diketahui oleh rakyat khususnya anak muda pemegang taruh meliputi pelajar, komuniti, industri dan penyedia TVET awam dan swasta yang terlibat secara langsung dalam bidang kemahiran. Kerajaan secara serius perlu memberikan perhatian terhadap perkara ini kerana ia melibatkan pendidikan dan masa hadapan anak muda yang inginkan jaminan Kerajaan memastikan mereka berjaya dalam bidang kemahiran. "

[Menteri Pendidikan]

9. PR-1421-U(27)033

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap kebimbangan keadaan tidak selamat melibatkan banduan dalam penjara di seluruh negara merangkumi isu kepadatan sel, masalah kemudahan dalam penjara, tahap kawalan kesihatan dan keselamatan penjara serta penyebaran wabak penyakit. Kebanjiran jumlah banduan di dalam sesetengah penjara di negara ini menyebabkan keadaan yang tidak kondusif berlaku seterusnya mengakibatkan risiko penyebaran wabak penyakit yang lebih tinggi seperti penyakit TB dan kencing tikus. Sebuah kajian menyeluruh dan komprehensif harus dibentang dan dibincangkan segera bagi mendapatkan penyelesaian memandangkan situasi ini akan memberikan kesan terhadap persekitaran sekeliling dan ia akan menjejaskan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan."

[Menteri Dalam Negeri]

10. PR-1421-U(27)034

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kerisauan rakyat berhubung usaha mendukung Perlembagaan Negara dengan memperkasa identiti kenegaraan dan perpaduan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang dilihat semakin lesu dan tidak aktif. Kerajaan perlu membentangkan serta memberi ruang perbincangan dengan segera apakah perancangan terperinci dan strategi jangka masa panjang JPNIN untuk mengukuhkan perpaduan dan menyemai semangat Rukun Negara dalam diri setiap warganegara disamping membentangkan laporan kewangan dan prestasi JPNIN bagi suku ketiga dan keempat tahun 2018. Kerisauan yang timbul adalah Kerajaan baharu ini dilihat tidak memperkasa fungsi dan peranan JPNIN yang mempunyai struktur jawatankuasa yang efisien dan tersusun malah Kerajaan dilihat hilang fokus terhadap strategi menyediakan perancangan khusus bagi perpaduan dan integrasi nasional secara keseluruhan."

[Perdana Menteri]

11. PR-1421-U(27)035

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kebimbangan rakyat berhubung dasar Kerajaan dalam sektor automotif negara yang tidak seimbang dan memberikan lebih banyak keuntungan buat syarikat pengeluar kenderaan luar negara untuk menguasai pasaran berbanding syarikat pengeluar kenderaan tempatan. Kerajaan perlu menjelaskan mekanisme dan strategi yang menyeluruh dalam memastikan syarikat-syarikat automotif tempatan seperti Syarikat Proton dan Perodua terus kompeten agar dilihat lebih berdaya saing dengan syarikat luar negara. Kerajaan juga harus menetapkan kewajipan buat seluruh institusi pentadbiran dan agensi Kerajaan seluruh negara menggunakan kenderaan berjenama tempatan sebagai kenderaan rasmi supaya ia dapat dilihat sebagai usaha menyokong semangat kenegaraan dan membantu merencanakan perkembangan produk kereta nasional."

[Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri]

12. PR-1421-U(27)039

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu **Jawatankuasa Pemilih Khas** ditubuhkan dan satu **referendum rakyat** diadakan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara. Dalam semangat Malaysia Baru selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati."

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat. "

[Perdana Menteri]

13. PR-1421-U(27)040

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) tidak dibatalkan memandangkan ia sudah siap 20% dan Kerajaan perlu membayar pampasan yang tinggi kerana melanggar kontrak perjanjian. Tambahan pula, landasan yang akan memendekkan jarak perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu ini berupaya memberi manfaat ekonomi kepada negara dengan melonjakkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau *Gross Domestic Product* (GDP) di tiga negeri pantai timur sebanyak 1.5%. Ia juga akan merangsang pertumbuhan ekonomi di pantai timur, rangkaian hubungan yang penting di antara timur dan barat serta merapatkan jurang ekonomi antara bandar-luar bandar. Maka Dewan Rakyat menyeru agar YAB Perdana Menteri dan semua ahli Jemaah Menteri dapat meneruskan projek ECRL ini."

[Perdana Menteri]

14. PR-1421-U(27)041

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Akhir Majlis Penasihat Kerajaan atau *Council of Eminent Persons* (CEP) dengan mengeluarkan unsur-unsur berkaitan kepentingan negara yang sensitif daripada Laporan CEP serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan oleh CEP. Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memaklumkan dewan ini pada 15 Oktober 2018 bahawa CEP telah tamat melaksanakan tugas pada 19 Ogos 2018 dan pihak Kerajaan telah pun menerima laporan cadangan penambahbaikan yang disyorkan oleh CEP. Memandangkan enam bulan telah berlalu untuk Kerajaan untuk meneliti Laporan CEP, maka atas prinsip ketelusan dan akauntabiliti, tibalah masa bagi Kerajaan untuk mendedahkan Laporan CEP supaya rakyat Malaysia dapat memberikan input serta sama-sama menentukan hala tuju negara."

[Perdana Menteri]

15. PR-1421-U(27)042

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan laporan Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (*Institutional Reforms Committee-IRC*) serta laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan pembaharuan oleh IRC. Memandangkan wujudnya dakwaan oleh seorang Hakim Mahkamah Rayuan melalui affidavit yang boleh menjejaskan keyakinan orang awam terhadap institusi kehakiman baru-baru ini, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang substantif dalam pentadbiran institusi-institusi seperti badan kehakiman dalam negara. "

[Perdana Menteri]

16. PR-1421-U(27)043

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) seperti SilTerra Malaysia Sdn Bhd dan Sime Darby seperti yang diwar-warkan, ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat yang dicarum melalui pelaburan Khazanah Nasional, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

17. PR-1421-U(27)044

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan UEC adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM, maka UEC boleh diiktiraf. Mantan Menteri Pelajaran iaitu ahli parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM dan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran sejarah dalam SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa semenjak tahun 2013. Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk memperjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai prasyarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan, Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak-dalik. Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan. "

[Menteri Pendidikan]

18. PR-1421-U(27)045

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan.

Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu.

Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk cina."

[Menteri Pendidikan]

19. PR-1421-U(27)046

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1.5 juta bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara.

Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baru' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baru' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah. "

[Perdana Menteri]

20. PR-1421-U(27)027

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

21. PR-1421-U(27)028

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urustadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

22. PR-1421-U(27)036

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Banyak kuarters-kuarters guru yang dibina di seluruh negara dengan bagitu cantik dengan harga beratus juta ringgit ditinggalkan kosong tidak didiami. Kuarters ini telah banyak yang rosak dan tidak terjaga. Kawasan dipenuhi semak samun dan tidak terurus. Banyak yang menjadi tempat penagih dadah beroperasi dan kawasan ini menjadi bukti bagaimana Kerajaan tidak prihatin terhadap alam sekitar dan pembaziran wang rakyat yang amat luar biasa. Dicadangkan semua kuarters ini dijual kepada mana-mana pihak dengan harga yang berpatutan supaya beban tidak lagi ditanggung oleh Kerajaan dan pulangan dari jualan ini boleh digunakan bagi mereka yang memerlukan."

[Menteri Pendidikan]

23. PR-1421-U(27)037

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Dadah telah mula masuk ke sekolah-sekolah. Walau pun jumlahnya masih kecil tetapi tindakan segera mesti diambil. Bagi mengelak dari pelajar terlibat sekolah disarankan memperbanyakkan kegiatan pasukan beruniform seperti kadet tentera, kadet polis, kadet bomba, pengakap dan lain-lain pasukan beruniform dan perbanyakkan aktiviti luar sekolah. Kegiatan ini semua akan membina perasaan kekitaan dan saling tegur menegur. Jabatan kaunseling di sekolah juga mesti diperkemaskan agar pelajar yang menghadapi masalah cepat dikenal pasti dan diambil tindakan."

[Menteri Pendidikan]

24. PR-1421-U(27)038

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Kemalangan jalan raya makin meningkat di negara ini. Di antara punca kemalangan ialah pengguna yang cuai dan penguatkuasaan oleh agensi yang lemah. Sebagai contoh kemalangan melanggar kenderaan yang diberhenti di bahu jalan, atau kenderaan yang rosak ditinggalkan tanpa dipaparkan notis kereta/kenderaan rosak. Kerajaan hendaklah menggunakan semua ruang seperti TV dan radio bagi menyebarkan maklumat kepada pengguna jalan raya jika kenderaan mereka rosak, notis secukupnya mesti dipamerkan agar pengguna yang lain sedar dan tahu masalah wujud di hadapan mereka dan mereka akan bersedia untuk elakkan dari melanggar kenderaan yang rosak ini."

[Menteri Pengangkutan]

****UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 12.03.2019 (Selasa)	1. YB Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)	1. Masalah Pengangguran Belia	1. YB Menteri Sumber Manusia
2. 12.03.2019 (Selasa)	2. YB Dato' Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)	2. Dividen Khas PETRONAS	2. YB Menteri Kewangan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**